Pak Kassim Ahmad Kata, Dewan Ulamak PAS Wilayah Persekutuan Jawab

1. Pak Kassim kata bahawa antara jalan yang menyeleweng adalah sistem teokrasi. Lepas itu Pak Kassim samakan pula sistem teokrasi dengan sistem Khilafah (pemerintahan berteraskan kepada ijtihad para ulamak).

   DUPWP Jawab:

   Mana boleh samakan Pak Kassim. Teokrasi adalah sistem mentuhankan para paderi dengan memberikan hak kepada paderi untuk berkata apa sahaja lalu disandarkan pula bahawa pandangan mereka adalah ajaran tuhan.

   Ijtihad dan pandangan para ulamak pula adalah kefahaman mereka terhadap sesuatu dalil Syarak. Maknanya para ulamak menggunakan kepakaran dan keintelektualan mereka dalam bidang Islam untuk fahami dalil Syarak dan bukannya mereka-reka Syarak. Sebab itu bila Allah haramkan zina dengan jelas di dalam al-Quran, mana ada para ulamak kata zina halal atau sunat muakkad. Ini bukti mereka berpandangan dengan berpandukan dalil Syarak bukan dengan akal.

2. Pak Kassim kata umat Islam hari ini tidak ikut ajaran Nabi Muhammad dalam al-Quran sebaliknya mengikut kasta paderi yang dipanggil ulamak.

   DUPWP Jawab:

   Berat sangat tuduhan Pak Kassim itu. Pertama dalam Islam mana ada kasta. Bukankah Allah Taala telah berfirman dalam Surah al-Hujurat ayat ke-13 yang bermaksud: “Wahai manusia. Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu semua daripada seorang lelaki dan seorang perempuan. Kami telah menjadikan kamu semua berbangsa-bangsa dan berkabilah-kabilah supaya kamu semua saling berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang

yang paling mulia di sisi Allah daripada kalangan kamu semua adalah orang yang paling bertaqwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Dalam PengetahuanNya”. Takkan Pak Kassim nak kata kami anti Quran pula.

Kedua: Pak Kassim menamakan ulamak dengan istilah ‘paderi’ sedangkan paderi sinonim dengan para pendeta dalam agama Kristian. Pak Kassim, sinis sangat Pak Kassim terhadap para ulamak. Jangan begitu Pak Kassim. Bukankah Allah sendiri di dalam Surah Fatir ayat ke-28 mengagungkan para ulamak dalam firmanNya yang bermaksud: “Sesungguhnya yang hanya takutkan Allah daripada kalangan hamba-hambaNya adalah para ulamak”? Takkan Pak Kassim nak tolak al-Quran pula.

Allah memuliakan para ulamak kerana ilmu yang ada di dalam dada mereka. Lalu dengan ilmu tersebutlah mereka menjadi orang yang sangat takut kepada Allah. Kalau Pak Kassim nak tahu, Imam Abu Hanifah tak sanggup nak makan daging kambing selama tujuh tahun sebab takut termakan daging seekor kambing yang dicuri di Kufah semasa zaman beliau. Kalau Pak Kassim sendiri, makan tak?

Ketiga: Pak Kassim sebut bahawa orang Islam silap kerana tak ikut Rasulullah sebaliknya ikut para ulamak yang Pak Kassim gelar sebagai kasta paderi. Lepas itu Pak Kassim sebut bahawa para ulamak yang diikuti oleh masyarakat yang Pak Kassim labelkan sebagai kasta paderi tak wujud pada zaman Nabi dan zaman empat Khalifah Rasyidun sebaliknya hanya muncul selepas 300 tahun kemudian.

Wahai Pak Kassim. Zaman sahabat dulupun ada yang alim dan ada pula yang bukan alim. Zaman Tabiin pun macam itu juga. Pak Kassim ingat semua sahabat Nabi Muhammad boleh keluarkan fatwa kah? Kalau Pak Kassim nak tahu, Sayyidina Abu Hurayrah, Sayyidina Anas, Sayyidina Jabir dan Sayyidatina Aishah adalah antara para sahabat yang memberikan fatwa

pada zaman sahabat iaitu selepas Rasulullah wafat. Maknanya ada orang yang bertanya hukum kepada mereka sama ada yang bertanya itu para sahabat atau para tabiin. Kalaulah semua orang tak kira alim atau tak alim boleh terus ambil hukum daripada al-Quran dan al-Hadith, maka tak perlulah para sahabat seperti Sayyidina Abu Hurayrah memberikan fatwa.

Pak Kassim. Orang yang tidak alim dalam masalah fiqh kenalah ikut cakap orang yang alim. Kalau Pak Kassim sakit jantung dan disahkan kena bedah, Pak Kassim terus buka buku perubatan untuk mengambil kaedah bedah atau Pak Kassim pergi ke hospital dan serahkan urusan pembedahan kepada pakar bedah? Kalau Pak Kassim tak jumpa doktor bedah sebaliknya ambil pisau dan bedah sendiri, Pak Kassim memang dahsyat dan mengagumkan. Tapi kalau Pak Kassim jumpa doktor bedah, maknanya wujud satu lagi kasta yang perlu Pak Kassim lawan iaitu kasta pawang moden.

3. Pak Kassim mengganggap umat Islam mendewa-dewakan para ulamak yang Pak Kassim namakan sebagai ‘pemimpin agama’. Kemudian Pas Kassim kata bahawa umat Islam mengganggap ‘pemimpin agama’ adalah maksum sebab pintu ijtihad sudah tertutup. Seterusnya Pak Kassim menyatakan bahawa antara pemimpin agama tersebut adalah Imam Shafi’e, Imam Hanafi, Imam Hanbali dan Imam Maliki.

DUPWP Jawab:

Pak Kassim. Kami ini beraqidah dengan aqidah Ahlussunnah yang menyatakan bahawa hanya para Nabi dan Rasul sahaja yang maksum. Bila pula kami mengatakan para ulamak maksum? Hanya golongan Syiah sahaja yang mendakwa bahawa para imam mereka maksum.

Pak Kassim terkeliru sebenarnya antara dua perkara yang berlainan iaitu antara kewajipan seseorang muqallid (orang yang bukan pakar dalam masalah fiqh) mengikut pandangan mujtahid (para ulamak yang pakar

dalam masalah fiqh) dengan konsep 'maksum'. Macam mana kami nak memaksumkan para ulamak fiqh yang hebat seperti al-Imam Malik guru kepada al-Imam al-Shafi'e contohnya sedangkan al-Imam Malik sendiri berkata: "Semua orang ucapannya diterima dan ditolak melainkan pemilik maqam ini (iaitu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam)".

4. Pak Kassim mendakwa bahawa umat Islam mendewa-dewakan Nabi Muhammad dengan syahadah kedua sebagai bukti.

DUPWP Jawab:

Ini berat betul Pak Kassim. Hati-hati bila bercakap. Takut akidah tergelincir nanti. Pak Kassim. Orang Yahudi zaman Rasulullah dulu pun percaya bahawa tiada tuhan melainkan Allah. Cuma yang menyebabkan mereka jadi kafir sebab mereka mengingkari bahawa Nabi Muhammad adalah rasul Allah.

Kenapa pula kita tidak boleh melafazkan bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sedangkan Allah Taala sendiri menyatakan di dalam Surah al-Fath ayat ke-29 yang bermaksud: "Muhammad adalah Rasul Allah". Dalam Surah Ali Imran ayat ke-144 pula Allah berfirman yang bermaksud: "Tiadalah Muhammad itu melainkan adalah seorang Rasul yang sudah ada sebelum baginda para rasul (yang lain)". Dalam Surah al-Ahzab pula Allah Taala berfirman yang bermaksud: "Muhammad bukanlah seorang bapa bagi seseorang daripada kalangan orang-orang lelaki dewasa kamu semua tetapi baginda adalah Rasul Allah dan penutup bagi para nabi".

Apa maksud Pak Kassim bahawa dengan mendatangkan syahadah yang kedua itu adalah sikap mendewa-dewakan Rasulullah? Kalaulah Pak Kassim bermaksud bahawa kami menganggap bahawa Rasulullah adalah tuhan atau dewa, bukankah kami menyatakan bahawa Nabi Muhammad adalah Rasul Allah dan bukannya Allah atau bukannya tuhan selain Allah?

Kalau Pak Kassim maksudkan bahawa tindakan menyebut syahadah yang kedua adalah mengagung-agungkan Rasulullah dan melebih-lebihkan baginda, maka kalau begitu Allah sendiri telah menDEWA-DEWAkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lebih awal daripada kami. Allah juga telah mengagung-agungkan baginda dengan pelbagai pujian. Tidak pernahkah Pak Kassim bertemu dengan firman Allah di dalam Surah al-Qalam ayat ke-4 yang bermaksud: "Sesungguhnya anda (wahai Nabi Muhammad) benar-benar di atas (iaitu berada lebih tinggi daripada) akhlak yang hebat"?

5. Pak Kassim pertikai tindakan orang Islam yang menulis perkataan 'Allah' dan 'Muhammad' ditulis sama besar dan sama paras di rumah-rumah mereka. Bagi Pak Kassim, tindakan ini adalah tindakan yang mendewa-dewakan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

   DUPWP Jawab:

   Salahkah tindakan kami yang menggantungkan kalimah Allah dan kalimah Nabi Muhammad di rumah-rumah kami? Walaupun kami menggantungkan kalimah Nabi 'Muhammad' sama besar dan sama paras dengan kalimah 'Allah', kami tidaklah bermaksud mahu menganggap bahawa Nabi Muhammad adalah tuhan kerana tiada tuhan selain Allah Taala.

   Kalau Pak Kassim kata ini adalah satu pengagungan terhadap Nabi Muhammad, maka kita memang pun disuruh untuk mengagungkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Bukankah Allah Taala berfirman di dalam Surah al-A'raf ayat ke-157 yang bermaksud: "(Orang yang akan mendapat rahmatKu adalah) mereka yang mengikuti Rasul yang merupakan Nabi yang tidak pandai membaca dan menulis yang mereka telah mendapati baginda tertulis di sisi mereka di dalam (kitab) al-Taurah dan al-Injil. Baginda menyuruh mereka dengan kebaikan, melarang mereka daripada (melakukan) kejahatan, menghalalkan bagi mereka akan yang

bagus-bagus, mengharamkan kepada mereka yang buruk-buruk dan baginda membuang daripada mereka akan kepayahan dan belenggu yang pernah ditimpakan ke atas mereka. Maka barangsiapa yang beriman dengan baginda, memuliakan baginda, membantu baginda dan mengikuti cahaya yang telah diturunkan ke atas baginda, mereka itulah orang yang berjaya”.

Satu lagi Pak Kassim, ada seutas hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Hakim di dalam kitab beliau: al-Mustadrak yang kalau menurut al-Imam al-Suyuti, hadith ini tidak akan jatuh daripada status Hasan. Hadith ini menyatakan bahawa:

Nabi Adam apabila baginda tanpa sengaja telah memakan buah larangan baginda telah bersabda: “Wahai tuhanku, saya memohon kepadaMu dengan hak Muhammad agar Dikau mengampuni saya”. Lantas Allah Azza Wa Jalla berfirman: “Wahai Adam, bagaimana anda mengenali Muhammad sedangkan Aku belum mencipta baginda”? Baginda bersabda: “Wahai tuhanku, kerana sesungguhnya Dikau tatkala Dikau menciptaku dengan tangan (kekuasaan)Mu dan Dikau hembuskan ruhMu di dalamku, saya telah mengangkat kepala saya lalu saya telah melihat bahawa di tiang-tiang utama Arasy tertulis: Tiada Tuhan Melainkan Allah. Muhammad Adalah Rasul Allah. Maka tahulah saya bahawa Dikau tidak akan menggandingkan sesuatu dengan namaMu melainkan ia adalah makhluk yang paling dicintai olehMu. Maka Allah Azza Wa Jalla berfirman: Anda telah benar wahai Adam kerana baginda adalah makhluk yang paling Aku cintai. Tatkala anda memohon kepadaKu dengan hak baginda, maka sesungguhnya Aku telah mengampunkan buatmu. Kalaulah tidak kerana Muhammad, nescaya Aku tidak akan menciptakanmu”.